

لِحَمْدِهِ وَالصَّلَاةُ عَلَى رَسُولِهِ وَآلِهِ وَاصْحَابِهِ

Segala puji hanya kehadiran Allah swt. yang telah menjadikan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad saw., ahli keluarga, para sahabat dan kaum muslimin seluruhnya.

Pertamanya, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Al-Fadhil Al-Ustaz Mohd. Fakhruddin bin Haji Abd. Mukhti, Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya yang juga selaku penyelia Latihan Ilmiah ini yang sudi meluangkan waktu untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada penulis. Semoga segala jasa dan khidmat yang dicurahkan mendapat limpah kurnia Allah jua.

Terima kasih juga kepada Al-Fadhil Dr. Abdul Halim bin Haji Mat Diah, Penyelaras Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin kerana telah mendedahkan kepada penulis tentang ilmu membuat penyelidikan (Metodologi Penyelidikan) yang telah membantu penulis menyiapkan kajian ini.

Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada kakitangan akademik Fakulti Usuluddin yang telah mencurahkan ilmu pengetahuan dan nasihat


yang berguna sepanjang pengajian penulis di Akademi Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Penulis juga ingin merakamkan penghargaan kepada badan-badan terbabit dan orang perseorangan yang telah membantu penulis. Terutama kepada Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu, Pejabat Hal-Ehwal Agama Terengganu dan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, juga kepada Dato' Perba Diraja Haji Wan Abdul Rahman bin Long, Dato' Haji Muhammad Salleh bin Haji Awang dan penduduk Pulau Duyung, Kuala Terengganu.

Penulis juga dalam kesempatan ini ingin merakamkan penghargaan kepada ayahanda dan bonda yang dikasihi, Muda bin Salleh dan Mariam binti Ali. Juga kepada Kak Azizah dan abang Aziz serta keluarga di Kampung Ladang Sekolah, Kuala Terengganu. Kepada Awi di Kajang yang banyak membantu penulis sepanjang pengajian di Universiti Malaya.

Penghargaan yang sama penulis rakamkan buat keluarga angkat di AU 3, Ulu Kelang dan teman-teman, Pak Nik Husin, Faizzi, Elley dan Ustaz Zeck di Taman Salimor, Kuala Terengganu. Sekian. Wassalam.

Salam hormat dari penulis

.....


(AZMAN BIN MUDA)

1059, Kampung Ladang Sekolah,
20000 Kuala Terengganu.

Februari 13, 1990

17 Rejab , 1410

Block 8,
Asrama Pantai Puri
Jln. Pantai Endah
59100 Kuala Lumpur.

KATA PENGANTAR



Alhamdulillah, syukur kepada Allah swt. dengan taufiq dan inayah-Nya sempurna sudah sebuah kajian ilmiah yang dapat dihasilkan oleh penulis bagi memenuhi keperluan ijazah Sarjana Muda Usuluddin tahun 1990.

Kajian ilmiah ini cuba mengenangkan kehidupan dan peranan salah seorang ulama Terengganu di abad ke-19, iaitu zaman perkembangan keilmuan keislaman dan kelahiran ulama-ulama yang berpengaruh di Terengganu. Tokoh yang dimaksudkan ialah Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd. Amin atau dikenali sebagai Tuk Syeikh Duyung. Beliau pernah menjadi Mufti Kerajaan Terengganu dan telah berkhidmat kepada tiga orang sultan; Sultan Baginda Omar, Sultan Ahmad dan Sultan Zainal Abidin III. Ketokohan beliau bukan sahaja dalam bidang keilmuan tetapi juga di bidang pentadbiran. Kecemerlangan beliau dalam Perundangan Islam sekurang-kurangnya telah mempengaruhi corak pentadbiran dan pemerintahan di Terengganu. Kehebatan beliau dalam perundangan Islam memungkinkan beliau mendapat gelaran "Syeikhul Ulama" di zaman Sultan Zainal Abidin III.

Kajian ini belumlah boleh dianggap lengkap. Banyak kekurangan dan kelemahan yang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun diharapkan

semoga kajian ini dapat dimanfaatkan oleh semua pihak, terutama kepada para ulama, para pendidik dan pemerintah.

Wassalam.